

31/08/1999

Mengentalkan semangat patriotik dan perpaduan rakyat

Kamal Ahmad

WARKAH enam perenggan Perisytiharan Tarikh Kemerdekaan Malaya yang turut ditandatangani Tuanku Abdul Rahman di Melaka pada 20 Februari 1956, menyatakan: "Bahawa dalam perjalanan sejarah manusia tidak ada suatu bangsa pun yang boleh menyelamatkan dirinya jikalau bangsa itu berdiam diri memeluk tubuh selama-lamanya.

"Sudah semestinya bangsa itu harus memilih suatu antara dua arah - maju atau mundur, itu terserah kepada kesungguhan dan kesedaran bangsa itu menghadapi perubahan-perubahan dan perkembangan-perkembangan..."

Dua perenggan pertama warkah itu yang ditulis 43 tahun lalu cukup membuktikan bahawa rakyat Malaysia perlu kuat, bersatu padu, berilmu, berdisiplin dan berwawasan dalam menentu kelangsungan bangsa serta negaranya.

Ternyata warkah itu adalah ibarat keramat kepada bangsa Malaysia. Ia satu kenyataan yang merentasi sempadan masa dan peristiwa untuk pedoman bangsa Malaysia. Ia seiring dengan tema perayaan Hari Kemerdekaan tahun ini: Bersatu Ke Alaf Baru.

Apakah kita harus melakukan kesilapan dengan memilih arah yang salah? Apakah kita sudah berpuas hati dengan kemajuan dan kesenangan sekarang? Apakah persiapan rakyat menghadapi perubahan dan perkembangan baru abad ke-21?

Melalui Wawasan 2020 (kertas kerja pada Mesyuarat Pertama Majlis Perdagangan Malaysia, 28 Februari 1991) pula, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggariskan sembilan cabaran strategik yang asas.

Tanpa kompromi, Perdana Menteri berkata: "Cabaran pertama ialah untuk membentuk sebuah negara yang bersatu padu yang mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama. Ia mestilah sebuah negara yang sejahtera, bersatu antara wilayah dan kumpulan etniknya, menikmati kehidupan yang harmoni berasaskan persamaan hak dan keadilan, membentuk sebuah 'Bangsa Malaysia' dengan rasa taat setia dan dedikasi terhadap bangsa berkenaan."

Ini bermakna dalam apa juga keadaan, perpaduan adalah teras kejayaan selaras dengan slogan 'Bersekutu bertambah mutu'. Tanpa perpaduan, segala-galanya tidak dapat dilakukan. Kacau-bilau dan perpecahan 'mengundang tetamu asing' sekali gus kehidupan rakyat menjadi porak-peranda.

Kuasa besar kekal dengan sikap turun-temurun bangsa Eropah iaitu menjadi penjajah. Mereka mendalangi rusuhan, sabotaj dan perang saudara. Yang terbaru, mereka bertindak meruntuhkan ekonomi negara membangun Asia dengan melakukan serangan terhadap pasaran modal dan mata wangnya.

Motif mereka adalah untuk melemah dan memperalatkan negara-negara berkenaan. Mereka tidak mengizinkan mana-mana negara aman dan maju, melainkan pemimpinnya boleh diperalat dan dijadikan boneka mereka.

Ternyata, penjajahan ketara melalui ketenteraan selepas Perang Dunia Kedua masih belum tamat. Kolonialisme masih hidup dan akan terus hidup pada alaf baru ini. Hanya dengan bersatu, Mampukah Malaysia menangkis segala serangan mereka? Di sinilah pentingnya rakyat bersatu ketika langkah ke alaf baru.

Hari ini rakyat Malaysia meraikan ulang tahun Hari Kemerdekaan ke-42. Dalam suasana politik yang begitu hangat, hari keramat ini disambut dengan pelbagai cara. Malangnya, akibat perubahan generasi dan kedudukan sosioekonomi rakyat, semangat kemerdekaan mula longgar. Perayaan hanya ditonton sambil memeluk bantal guling di atas katil. Cuti umum dipenuhi dengan bermalas-malas atau berfoya-foya mencari 'hiburan'.

Maka sudah sampai masanya perayaan 31 Ogos itu diadakan di segenap pelusuk negara termasuk di rumah, pejabat, sekolah, universiti, kilang dan kompleks beli-belah selain secara rasmi di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Sasarannya ialah generasi muda yang bakal mengambil alih sepenuhnya negara pada masa akan datang. Jika semangat patriotisme mereka luntur, apakah yang boleh dipaparkan kepada anak dan cucu-cicit mereka kelak?

Justeru, kerajaan dan penganjur sambutan wajar mengisi sambutan dengan acara yang berupaya mengentalkan patriotisme dan perpaduan. Walaupun acaranya termasuk hiburan, ia mesti diselitkan dengan mesej patriotisme dan perpaduan.

Kempen mengibar bendera juga wajar ditingkatkan kerana itulah antara bukti rakyat cintakan negara dan bangsanya.

Sesungguhnya Umno, MCA, MIC serta parti-parti dalam komponen Barisan Nasional (BN) memikul tugas dan tanggungjawab besar terhadap masa depan rakyat dan negara. Ia adalah tuntutan yang wajib ditunaikan. Ia menjadi syarat sejak Malaya merdeka lagi iaitu ketiga-tiga kaum terbesar mestilah terlebih dulu bekerjasama dalam politik sebelum negara ini boleh dimerdekakan. Apakah selepas merdeka syarat itu tidak lagi sesuai? Hanya mereka tidak kasihkan negara ini saja yang sanggup merobekkan keamanan negara yang sudah pun dicipta sekarang.

Setiap pihak sama ada mewakili Umno, MCA atau MIC dan parti-parti dalam komponen BN, Mereka wajar mengekal dan memperkukuhkan kesetiaan dan 'janji merdeka' di bawah panji parti masing-masing. Hanya itu saja cara untuk menjamin kestabilan politik, ekonomi dan perpaduan nasional.

Adalah tidak wajar parti pembangkang hari ini bertindak melampau sehingga menggugat kestabilan politik, keharmonian kaum dan keutuhan ekonomi dalam kempen mereka menjelang pilihan raya. Selain majoriti Melayu, Cina dan India, Malaysia turut menaungi rakyat keturunan Kadazan, Bajau, Murut, Iban serta 50 suku kaum lain. Maka adalah wajar seluruh rakyat bernaung di bawah panji mana-mana parti komponen BN. Hanya itu saja jaminan untuk negara dan bangsa Malaysia melangkah dalam satu barisan menuju tahun 2000 dalam tempoh 123 hari lagi.

Dalam hal ini, negara turut memerlukan sokongan generasi pertama dan kedua Malaysia abad 20 (yang lahir antara 1900-1960). Mereka wajar 'menurunkan ilmunya'. Pengalaman dan pengetahuan mengenai kelangsungan, kepayahan dan kemewahan yang dilalui wajar diceritakan kepada anak cucu dan cicit masing-masing. Ini penting supaya generasi baru selepas merdeka mendapat maklumat dari sumber pertama mengenai hakikat bahawa ayah dan datuk mereka sebelum ini bergelumbang dengan 1001 kepayahan dan cabaran getir.

Parti politik khususnya komponen BN wajar menganjurkan majlis pengisahan veteran dan pejuang kemerdekaan secara giat dalam majlis politik masing-masing. Kelab atau persatuan di universiti, sekolah atau maktab juga boleh melakukan daya usaha ini untuk didengar dan dihayati ahli serta jemaah institusi itu.

Malah, majlis pengisahan boleh dianjurkan secara tidak rasmi pada perkumpulan keluarga ketika kenduri atau sambutan hari raya.

Usaha ini mampu mengembalikan kesedaran dan membakar semangat patriotisme yang dikhuatiri padam.

Apakah tahap peranan Melayu pada alaf baru?

Amat jelas sekali untuk melumpuh dan menjajah negara ini, benteng pertama perlu diruntuh dan pecahkan ialah orang Melayu dan ahli Umno.

Percubaan demi percubaan dibuat pihak asing untuk memecahbelahkan Melayu tetapi ternyata gagal. Ini termasuk melalui agama.

"....Namun kunci kepada jaya atau tidaknya percubaan kuasa asing untuk menjajah semula negara tercinta ini masih ada di tangan ahli-ahli Umno.

Selagi Umno masih pukal dan tumpat, selagi perpaduan dalam Umno tidak dapat dipecahkan, selama itulah percubaan oleh kuasa asing untuk melumpuh dan menakluk semula negara ini akan gagal.

Umno bukan sebarang parti. Umno adalah teras dan tunjang kepada parti yang memerintah negara iaitu BN. Lemah Umno, lemahlah BN; lemah BN, lemahlah kerajaan Malaysia dan lemah kerajaan Malaysia maka terjajallah Malaysia..." (Dr Mahathir pada Ucapan Presiden Umno di Perhimpunan Agung Khas Umno 1998).

Umat Islam juga wajar menyelami apa yang tersirat di sebalik solat dan mengamalkannya dalam rutin hidup seharian. Antaranya, keutamaan mengenai kebersihan (pakaian, tempat solat dan mengambil wuduk).

Kehidupan yang seimbang (lafaz seruan menunaikan solat dan menuju kejayaan). Disiplin yang dipaparkan melalui barisan jemaah, ketertiban (tokmaninah) ketika solat dan menunaikan solat apabila masuk waktu.

Ketika solat berjemaah, Islam memberi hak kepada imam dan ahli jemaah. Ini juga boleh diterapkan dalam soal memimpin rakyat dan cara mana rakyat boleh menegur pemimpin.

Jemaah juga sentiasa berlumba-lumba mengisi barisan paling depan untuk mendapat ganjaran pahala lebih besar. Justeru sikap cenderung untuk maju dan duduk di depan perlu disuburkan dalam sanubari Melayu bagi semua kegiatan. Sikap gemar duduk di belakang pada majlis ilmu dan di bilik darjah perlu dibuang.

Simbolik solat jemaah perlu diterjemahkan dalam kegiatan seharian. Jika solat jemaah dikurniakan 27 darjah pahala maka sari pati hidup bersatu padu dan harmoni juga tinggi hikmahnya.

Kekuatan negara dan keutuhan perpaduan rakyat Malaysia juga perlu dalam usaha memartabatkan bangsa Melayu sebagai ras kabilah dunia (global tribe) selepas Anglo-Amerika, Yahudi, Jepun, China dan India. Ini kerana antara lebih 200 juta orang Melayu, keupayaan paling menonjol dipamerkan oleh Melayu di Malaysia.

Untuk menjadi ras kabilah, antara ciri yang ada pada orang Melayu ialah cenderung kepada penguasaan ilmu baru dalam sains dan teknologi, selain ekonomi dan perdagangan. Mereka juga perlu ada kemantapan sistem kekeluargaan. Selain itu, mereka mampu mewujudkan jaringan hubungan antarabangsa berasaskan etnik (juga Melayu) dan berfungsi secara kolektif.

Justeru, sempena ulang tahun Hari Kemerdekaan ini dan menjelang alaf baru, rakyat Malaysia harus ada kesedaran dan usaha ke arah penguasaan global dalam semua bidang.

(END)